



**SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
FLAT TAMAN BENUS JAYA, BENTONG PAHANG DARUL MAKMUR
BERKUATKUASA 30 JUN 2021 SEHINGGA 13 JULAI 2021**

Aktiviti Dibenarkan

- Seorang **(1) wakil** dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- **Perkhidmatan Perlu** (*Essential Services*)

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan **keluar** penduduk; &
- Pergerakan **masuk orang luar** ke kawasan PKPD.

Aktiviti Tetap

- **Subseksyen 11(3) Akta 342;**
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342.**

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------------	---------------	----------------------------------	--	----------------------------	------------------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan Terlibat	SELURUH FLAT TAMAN BENUS JAYA, BENTONG PAHANG
Tempoh Berkuatkuasa	30 JUN 2021, jam 12.01 pagi sehingga 13 JULAI 2021, jam 11.59 malam
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA. • Laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. • Semua penduduk di dalam kawasan PKPD TIDAK DIBENARKAN keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing kecuali seorang (1) sahaja wakil isi rumah dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan bekalan makanan dan keperluan asas di premis perniagaan yg dibenarkan oleh PDRM. • Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian DIBENARKAN setelah mendapat pengesahan dan kebenaran daripada PKD/PDRM. (Maksimum (2) orang termasuk pesakit)



**SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
FLAT TAMAN BENUS JAYA, BENTONG PAHANG DARUL MAKMUR
BERKUATKUASA 30 JUN 2021 SEHINGGA 13 JULAI 2021**

Aktiviti Dibenarkan

- Seorang **(1) wakil** dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- **Perkhidmatan Perlu (Essential Services)**

Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan **keluar** penduduk; &
- Pergerakan **masuk orang luar** ke kawasan PKPD.

Aktiviti Tetap

- **Subseksyen 11(3) Akta 342;**
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342.**

Waktu Berkuatkuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti keterangan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Saluran Makanan dan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kawasan dan penduduk yang terputus bekalan makanan dan keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri/Daerah dan diagihkan oleh PDT,JKM, APM dan RELA. • Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain- lain akan diselaraskan oleh PKOB Negeri/Daerah.
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti ekonomi dan industri, perladangan, perikanan, pertanian, pelancongan, pusat jagaan kanak- kanak (tadika,tabika,taska), perniagaan, majlis rasmi termasuk mesyuarat, majlis sosial, kebudayaan, industri kreatif, pendidikan, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN. • Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM. • Hanya pembekal untuk kedai runcit yang di benarkan untuk keluar dan masuk di kawasana PKPD dengan kebenaran dari PDRM. • Kedai runcit dan barangan keperluan harian di BENARKAN beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8 malam.